



JABATAN KERAJAAN TEMPATAN  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
Aras 25-29, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62100 PUTRAJAYA,  
MALAYSIA.

Telefon : 603-8891 5000  
Faksimile : 603-8891 3090  
Laman Web : <http://jkt.kpkt.gov.my>

Ruj.Kami : JKT.KS.1400-2 Kl.4 (33)  
Tarikh : 28 Apr. 2021

### EDARAN MELALUI PORTAL JKT:

Semua Datuk Bandar/Yang Dipertua/Pengerusi  
Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

### SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA SEHINGGA MINGGU EPID 14/2021 (4 HINGGA 10 APRIL 2021)

Dengan segala hormatnya saya diarahkan merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan, berdasarkan data Kementerian Kesihatan Malaysia pada minggu epid 14/2021, sebanyak **440 kes** Demam Denggi dan tiada kes kematian dilaporkan, iaitu berlaku peningkatan kes sebanyak **4 kes (0.9%)** berbanding minggu epid 13/2021 iaitu **436 kes** dengan tiada kes kematian dilaporkan. Secara kumulatifnya, kes denggi yang dilaporkan sehingga 10 April 2021 adalah sebanyak **7,857 kes** berbanding **35,408 kes** bagi tempoh yang sama pada tahun 2020, iaitu berlaku penurunan sebanyak **77.8%** (27,551 kes). Perbandingan bilangan kes pada tahun 2020 dan 2021 ditunjukkan di **Lampiran A**.

3. Pada **minggu epid 14/2021**, sebanyak **3 lokaliti hotspot aktif** dilaporkan di seluruh negara berbanding **8 lokaliti** pada **minggu epid 13/2021**. Ini menunjukkan **penurunan** sebanyak **62.5% (5 lokaliti)**. Maklumat lokaliti *hotspot* mengikut negeri dan PBT adalah seperti di **Lampiran B**.

4. Bagi PBT yang mempunyai lokaliti *hotspot*, aktiviti kawalan sebagaimana dalam Pelan Tindakan Kawalan Denggi PBT di Lokaliti *hotspot* yang disediakan oleh KPKT hendaklah dipertingkatkan dengan memberi tumpuan kepada (5) lima kawasan utama pembiakan aedes seperti taman mainan atau rekreasi, tumpuan awam, tanah atau lot kosong, kilang atau gudang dan tempat pembuangan sampah bagi memastikan wabak denggi dapat dikawal. Selain itu aktiviti promosi kesihatan juga perlu ditingkatkan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang aspek pencegahan dan pengawalan denggi.

Ruj.Kami: JKT.KS.1400-2 Klt.4 (33)  
Tarikh : 28 Apr. 2021

5. Untuk makluman YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan, situasi semasa Demam Denggi di Malaysia ini juga boleh diakses dan dimuat-turun dari portal rasmi Jabatan Kerajaan Tempatan di alamat <https://jkt.kpkt.gov.my/>.


6. Kerjasama dan komitmen YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan dalam hal ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**


Saya yang menjalankan amanah,

  
**(OOI POH KEONG)**

Pengarah  
Bahagian Perunding Kesihatan Persekutaran  
b/p: Ketua Pengarah,  
Jabatan Kerajaan Tempatan,  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

s.k: YBhg. Dato' KP/JKT  
TKP(T)/JKT

LAMPIRAN A



**LAMPIRAN B****JUMLAH HOTSPOT AKTIF MINGGU EPID (ME) 13 DAN 14 MENGIKUT NEGERI  
TAHUN 2021**

<b>Bil.</b>	<b>Negeri</b>	<b>Minggu Epid 13</b>		<b>Minggu Epid 14</b>	
		<b>Bil. hotspot</b>	<b>Bil. PBT terlibat</b>	<b>Bil. hotspot</b>	<b>Bil. PBT terlibat</b>
<b>1.</b>	<b>Selangor</b>	<b>8</b>	<b>5</b>	<b>3</b>	<b>2</b>
	<b>JUMLAH</b>	<b>8</b>	<b>5</b>	<b>3</b>	<b>2</b>

**BILANGAN HOTSPOT AKTIF DI NEGERI SELANGOR**

<b>Bil.</b>	<b>Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)</b>	<b>ME13/2021</b>	<b>ME14/2021</b>
<b>1.</b>	MB Shah Alam	4	2
<b>2.</b>	MP Kajang	1	1
<b>3.</b>	MP Sepang	1	0
<b>4.</b>	MP Ampang Jaya	1	0
<b>5.</b>	MB Subang Jaya	1	0
	<b>JUMLAH</b>	<b>8</b>	<b>3</b>